



TERMA RUJUKAN

PENULISAN LAPORAN DAN AMALAN TERBAIK PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR (*BUSINESS TOWARDS INDUSTRY 4.0*)

1. Laporan impak adalah berdasarkan kepada impak yang diperolehi oleh 3 syarikat vendor yang mengikuti program PPKV ini.
2. Menjalankan sesi temuramah bersama syarikat vendor dan consultant bagi mendapatkan input berkaitan projek dan impak.
3. Dokumen laporan tersebut perlulah dalam bentuk softcopy dan piawaian berikut perlu dipatuhi:
 - i. Jenis tulisan – Arial 12
 - ii. Jarak – 1 Spacing
4. Pembekal perlu membuat pengeditan setelah mendapat maklumbalas dari MPC untuk menambahbaik draf pertama. Tempoh pengauditan adalah selama seminggu selepas menerima maklumbalas MPC.
5. Projek perlu disiapkan pada **15 Jun 2021** dengan andaian tiada penangguhan dalam mana-mana proses sepanjang pelaksanaannya.
6. Kandungan laporan impak mesti merangkumi impak projek dari aspek *Technology, People and Process*. Selain itu, penulis boleh menambah kandungan yang bersesuaian bagi melaporkan impak projek terhadap pembangunan kecemerlangan organisasi.
7. Kadar bayaran (termasuk SST jika ada) mestilah meliputi semua aspek dan kos yang akan ditanggung oleh penulis sepanjang projek dilaksanakan.
8. Bayaran akan dibuat secara penuh oleh MPC apabila projek siap dan berpuas hati dengan laporan yang disediakan.
9. MPC berhak untuk membatalkan pelantikan sekiranya penulis tidak memenuhi spesifikasi MPC.
10. Semua penulisan yang dibuat adalah hak milik MPC dan tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).